

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENSYARAH UiTM

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Khas C, Khas B, Khas A, Khas Turus III, Khas Turus II dan Khas Turus I

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institusi Pengajian Tinggi Awam.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan profesional meliputi aspek seperti pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan akademik, pengurusan dasar, penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, perundingan dan khidmat nasihat, jaringan dan kolaborasi.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Khas C, Khas B, Khas A, Khas Turus III, Khas Turus II, Khas Turus I.

4.1.1 Aspek Pengajaran dan Pembelajaran

- a. Mentafsir/ melaksana kurikulum yang ditetapkan.
- b. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- c. Menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran.
- d. Menyampaikan pengajaran dan pembelajaran (teori dan amali).
- e. Melaksana penilaian prestasi pelajar.
- f. Membuat penambahbaikan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa.

4.1.2 Aspek Kepimpinan Akademik

- a. Bertanggungjawab memberi bimbingan akademik kepada pelajar bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan cemerlang.

- b. Melaksanakan pembangunan pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan dengan mengambil pendekatan *coaching* serta *mentoring*.

4.1.3 Aspek Pengurusan Dasar

- a. Melaksana dasar-dasar berkaitan pembangunan modal insan melalui pelaksanaan dasar-dasar pembangunan dan dasar-dasar lain yang berkaitan.
- b. Melaksana pelan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang institusi.
- c. Memberi khidmat kepakaran/ khidmat nasihat/ input kepada kementerian dalam proses penggubalan dasar.

4.1.4 Aspek Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan

- a. Melaksana kajian/ penyelidikan/ inovasi yang menyumbang kepada organisasi atau negara.
- b. Menghasilkan dan menerbitkan penulisan/ artikel sama ada berbentuk ilmiah/ pendidikan atau kepakaran.

4.1.5 Perundingan dan Khidmat Nasihat

- a. Memberi khidmat kepakaran/ perundingan dalam menjana pembangunan sosial, ekonomi dan negara.

4.1.6 Jaringan dan Kolaborasi

- a. Mewujudkan dan meningkatkan hubungan dengan sektor awam, swasta, industri dan antarabangsa.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan tertinggi universiti.
- b. Dekan.
- c. Pelajar.

Luaran

- a. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- b. Jabatan-jabatan kerajaan.
- c. Institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.
- d. Institusi penyelidikan dalam dan luar negara.
- e. Sektor swasta dan industri.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Fakulti/ pusat akademik.
- c. Institusi pendidikan dan penyelidikan di dalam dan luar negara.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Ijazah sarjana muda/ sarjana/ PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b. Berkebolehan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
- c. Berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
- d. Berkebolehan untuk menulis artikel, jurnal, bahan penerbitan dan sebagainya.
- e. Berkemahiran dalam pelbagai perisian komputer berkaitan dengan penyelidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- f. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis.
- g. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional.
- h. Berkebolehan memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Kualiti.
- e. Disiplin.
- f. Menepati masa.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Percanggahan pendapat.
- c. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- d. Kes-kes pemalsuan kelayakan akademik dan maklumat penyelidikan.
- e. Kes-kes disiplin.
- f. Boleh diambil tindakan undang-undang.

Sumber : E-mel daripada Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 17 Ogos 2011.